



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010
PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
TINGKATAN 4**

2611/2

**PENDIDIKAN SENI VISUAL
SENI HALUS****Kertas 2****Mei 2010****3 jam****Tiga jam****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU.**

1. *Kertas ini mengandungi 6 soalan*
2. *Jawab satu soalan sahaja*
3. *Kertas soalan ini hendaklah diberikan kepada calon sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh peperiksaan kertas ini.*

Disediakan oleh:

AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU*Dicetak oleh:**Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063***Kertas soalan ini mengandungi 3 HALAMAN bercetak**

2611/1 @ 2010 Hak Cipta Guru Akram Terengganu

**[Lihat sebelah
SULIT**

Arahan kepada calon

- (a) *Kertas soalan ini hendaklah dibawa ke tempat peperiksaan pada hari yang ditetapkan. Tulis dengan terang Nama, Tingkatan, Nombor Kad Pengenalan, Mata Pelajaran, Nombor Soalan dan sediakan ruang Markah mengikut susunan yang ditetapkan di sudut kanan sebelah atas muka hadapan lukisan anda (lihat gambar rajah di bawah).*

Sudut kanan sebelah atas muka hadapan lukisan anda.

<p>5CM</p>	NAMA: _____ TINGKATAN: _____ NO. KAD PENGENALAN: _____ MATA PELAJARAN: _____ NO. SOALAN: _____ MARKAH: _____
	<p>8CM</p>

- (b) *Hasil kerja anda hendaklah yang asli.*
- (c) *Hasil kerja anda itu hendaklah memenuhi atau hampir memenuhi kertas lukisan itu kecuali ruang 5 cm x 8 cm yang ditetapkan.*
- (d) *Anda tidak boleh menggunakan bahan pengilat atau syelek pada permukaan hasil kerja yang telah siap.*
- (e) *Keseluruhan hasil kerja hendaklah diwarnakan.*
- (f) *Anda bebas menggunakan apa jua teknik menggambar kecuali teknik semburan atau "assemblaj". Jika teknik kolaj digunakan, anda hendaklah menggunakan kertas berwarna, bahan terbuang yang nipis seperti kulit majalah dan perca kain yang dibawa sendiri.*
- (g) *Hasil kerja anda itu hendaklah dalam bentuk 2D sahaja.*

gambar

SENI HALUS

Jawab *satu* soalan sahaja

1. Di sebuah perkampungan, kelihatan pemandangan sawah padi terbentang indah. Terdapat orang-orangan di tengah-tengah bendang itu. Kelihatan juga beberapa buah rumah berhampiran bendang tersebut.
Gambarkan suasana pemandangan tersebut dengan menekankan jalinan, ruang dan warna.
2. Anda telah tersesat di sebuah tempat asing yang sangat indah. Kelihatan rumah-rumah di situ yang comel dan penghuni-penghuninya terdiri dari pada pelbagai jenis buah-buahan. Lukis situasi berkenaan dengan menekankan kepada bentuk, jalinan, dan ruang.
3. Di atas meja makan, kelihatan satu set hidangan minuman petang telah terhidang. Terdapat juga dua jenis kuih di atas meja tersebut
Lukis gambaran tersebut dari jarak dekat dengan menekankan jalinan dan warna.
4. Di suatu sudut halaman rumah, terdapat satu lanskap yang menarik. Kelihatan juga sebatang pengerat sampah dan penyeduk sampah berhampiran dengan kerusi rehat berhampiran lanskap tersebut.
Gambarkan suasana tersebut dengan menekankan jalinan, dan ruang.
5. Sejenis makhluk asing yang menakutkan telah menyerang sebuah perkampungan nelayan. Beberapa orang penduduk kelihatan bertempiran melarikan diri.
Lukiskan gambaran suasana tersebut dengan menekankan ruang, bentuk dan jalinan.
6. Di suatu sudut dapur di sebuah restoran, kelihatan seorang tukang masak sedang memasak hidangan pelanggannya. Kelihatan bahan-bahan memasak seperti sayur-sayuran, sebotol kicap, beberapa biji lada dan bawang di atas meja berhampirannya.
Gambarkan keadaan ini.

SOALAN TAMAT